

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26 / 09 / 2007

Qunut nazilah untuk Dr. M

UM - 26 / 09 / 2007

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Semua masjid di negeri Perlis diarahkan membaca qunut nazilah pada setiap waktu solat sekurang-kurangnya untuk tempoh seminggu bagi memohon kesihatan yang baik untuk Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin berkata, keputusan itu dibuat memandangkan bekas Perdana Menteri itu baru menjalani pembedahan dan masih belum sihat.

Katanya, qunut tersebut akan dibaca oleh imam ketika rakaat terakhir solat fardu iaitu semasa iktidal.

"Imam terus sahaja membaca apa-apa doa yang membawa maksud agar Allah menyembuhkan Tun.

"Sighah (ungkapan) doa yang dicadangkan adalah 'Ya Allah, Engkau sembuhkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan rezekikanlah beliau kesihatan dan kesejahteraan,'" katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kangar hari ini.